

# Warta Warisan

ورتا واریشن



Majlis Perbandaran Klang

Bil. 06/2021

Jilid 1

Jun 2021

Naskah Percuma



Menarik di dalam

**Bangunan Warisan Klang**

**Gendang Dong Son Klang**



## Tamadun dan Peradaban Klang sebagai asas Gagasan Klang Sejahtera

Klang, 10 Jun 2021 – Artifak-artifak yang ditinggalkan oleh masyarakat di Klang sejak 4,500 tahun lalu bukan sahaja menggambarkan corak kehidupan mereka tetapi juga sebagai bukti telah wujud suatu tamadun serta peradaban di Klang dan menunjukkan bahawa Klang adalah sebuah tempat yang sejahtera untuk didiami.

Demikian juga sasaran utama Yang Dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, yang mahu menjadikan Klang sebagai sebuah bandaraya yang sejahtera melalui Gagasan Klang Sejahtera.

Gagasan ini akan berdasarkan kepada tamadun dan peradaban yang meliputi keseluruhan cara hidup, penerapan unsur rohaniah, perancangan fizikal serta ekonomi dan pembangunan mampan global. Antara perancangan di bawah gagasan ini adalah program naik taraf bandar Klang kepada Bandaraya Diraja dan pengiktirafan Klang sebagai Bandaraya Warisan di bawah UNESCO.

Gagasan Klang Sejahtera yang hendak dibentuk akan berasaskan kepada ruang bandar yang mempunyai kekuatan seperti mana yang dimaksudkan dengan tamadun dan peradaban di atas. Ia juga perlu mengimbangi keperluan pembangunan bandar dan persekitaran sihat.



Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:  
Pusat Sumber / E-Library MPK,  
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,  
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.  
Kurator: +603 33758088  
Pusat Sumber: +603 33758006

### Sidang Redaksi

**Penaung**  
YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

**Penasihat**  
Norfiza binti Mahfiz

**Pengarang / Editor / Penyelidik**  
Faisal bin Dato' Haji Surani

**Reka Bentuk Grafik & Kreatif**  
Mazlan bin Yahya  
Mohd Shahril bin Sanip

## **Senarai Bangunan Warisan di Klang**

Klang, 4 Jun 2021 – Terdapat 7 Tapak Bangunan Warisan yang telah diwartakan di Klang setakat 1 Jun 2021. Ia terbahagi kepada 2 kategori iaitu Warisan Kebangsaan dan Warisan.

### Warisan Kebangsaan

#### **Bangunan Sultan Suleiman (Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz)**

Diwartakan pada 15 Disember 2009

#### **Masjid Diraja Sultan Suleiman**

Diwartakan pada 10 Mei 2012



### Warisan

#### **Kota Raja Mahadi (9 Oktober 1980)**

No. Warta:

P.U. (A) 285/9/10/1980 & P.U. (B) 185/14/4/1983

#### **Gedung Raja Abdullah (4 Mac 1982)**

No. Warta:

P.U. (A) 56/4/3/1982 & P.U. (B) 185/14/4/1983

#### **Sekolah Convent Klang (29 Mac 2012)**

No. Warta: P.U. (B) 90/29/3/2012

#### **Jambatan Kota Lama**

Persetujuan untuk diwartakan: 2 Disember 2019

Tiada nombor warta kerana dalam proses pewartaan

#### **Bangunan Gurney Memorial Library (Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor Daerah Klang)**

Persetujuan untuk diwartakan: 2 Disember 2019

Tiada nombor warta kerana dalam proses pewartaan

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

*Sidang Redaksi Warta Warisan MPK merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Rasmii Seri Paduka Baginda pada 7 Jun 2021.*

*Arkib Negara Malaysia (ANM) menjemput orang ramai menyertai pelbagai program dalam talian yang akan diadakan bersenepena dengan Hari Arkib Antarabangsa 2021 yang jatuh pada 9 Jun setiap tahun. Orang ramai boleh melayari Facebook rasmi ANM pada 9 dan 10 Jun 2021 untuk bersama-sama meraikan sambutan ini. Poster program ada ditampilkan dalam Warta bulan ini.*

*Sidang Redaksi ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) atas pemergian Tuan Mohd Lotfi bin Nazar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT pada 1 Jun 2021. Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.*

*Bulan Jun 2021 juga menyaksikan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 dikuatkuasakan di seluruh negara. Semoga penerbitan Warta dapat menjadi peneman di kala PKP di samping mendapat maklumat sejarah. Marilah kita bersama-sama duduk di rumah meneruskan usaha mengekang wabak Covid-19 sambil membaca Warta Warisan MPK.*

*Faisal bin Dato' Haji Surani  
Kurator*



## Kutub Khanah Kurator: Penemuan Gendang Dong Son di Klang

Pada tahun 1944, sebuah gendang gangsa telah ditemui secara tidak sengaja ketika penanaman pokok getah di sebuah bukit berhampiran Sungai Rasau, Klang. Pengarah Jabatan Muzium ketika itu, Dr. Iwao Hino, telah menyerahkan gendang tersebut kepada Muzium Selangor di Kuala Lumpur.

Pada bulan Mac 1945, Muzium Selangor telah terkena bom secara tidak sengaja oleh pasukan Tentera Udara Amerika Syarikat dan gendang ini dikhuatir turut musnah bersama beberapa artifak lain. Walaubagaimanapun pada bulan Jun 1949, gendang ini telah ditemui kembali dalam salah satu kotak yang terselamat daripada pengeboman.




Foto 1: Tapak penemuan gendang Dong Son di Klang  
Foto koleksi simpanan Faisal Surani

Gendang jenis Dong Son yang permukaannya berdiameter hampir 23 inci (57.8 cm) ini telah ditemui bersama dengan serpihan badannya dengan ketinggian lebih kurang 14 inci (35.6 cm).


Pola hias pada permukaan gendang ini adalah bercirikan Heger 1 (klasifikasi gendang gangsa Franz Heger 1902) dan terbahagi kepada 9 lapisan utama. Antara pola yang menarik adalah pada bahagian pusat gendang terdiri pola bintang atau matahari berbucu 10, hiasan corak seperti huruf 'S' atau 'Z' menyerong pada lapisan kedua dan pada lapisan kelima kelihatan hiasan 4 ekor burung (enggang atau pucung) terbang arah lawan putaran jam (*lihat Rajah 1 di atas dan Foto 2 di sebelah*).

'Gendang Klang' yang bertarikh sekitar 200 sebelum Masihi kini berada di Muzium Negara Kuala Lumpur.



Rajah 1: Lakaran ukiran pada permukaan kepala gendang gangsa yang ditemui di Klang

Lokasi sebenar tapak penemuan telah dikenal pasti oleh Dato' F.W. Douglas, mantan Pegawai Daerah Klang, berada di kawasan Bukit Kuda. Kedudukan bukit ini di pertemuan Sungai Rasau dan Sungai Klang menunjukkan bahawa dahulu kawasan ini adalah salah satu *feeder point* kepada perdagangan awal di Klang.



Rajah 2: Lakaran serpihan badan gendang. Pada permukaannya terdapat pola hiasan tulang ikan dan 2 lubang memanjang yang berfungsi sebagai pemegang atau digunakan untuk tujuan menggantung gendang dengan tali atau rotan. Berdasarkan saiz, diduga gendang ini ada 4 pemegang.




Foto 2: Gambar sebenar permukaan Gendang Klang yang ditemui.

Foto koleksi simpanan Faisal Surani



EmpoweringArchives | © ICA



## SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA TAHUN 2021

**9 - 10 JUN 2021**

#myarkibnegara  
#IAW2021  
#EmpoweringArchives

EMPOWERING ARCHIVES  
AND THE PROFESSION

### ATUR CARA PROGRAM

#### 9 JUN ( RABU )

- 9.00 pagi - Tayangan Klip Pelancaran Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2021
- 9.30 pagi - Tayangan Video: Virtual Tour Arkib Negara Malaysia
- 11.00 pagi - Bicara Eksekutif  
YBhg. Datuk Azemi bin Abdul Aziz,  
Ketua Pengarah,  
Arkib Negara Malaysia  
Moderator: Enick Afham Jauhari Aldi
- 2.30 petang - Tayangan Video: Memorial Negarawan: Tun Jugah
- 3.00 petang - Tayangan Video: Pustaka Peringatan P. Ramlee

#### 10 JUN ( KHAMIS )

- 9.30 pagi - Pameran Maya: Pameran Koleksi Arkib Persendirian
- 10.15 pagi - Tayangan Rakaman: Bicara Bahan Tokoh: Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan
- 11.45 pagi - Tayangan Video: "What is Archive to Me"
- 12.00 tgh - Tayangan Video SARICA: "COVID-19: Archiving TODAY For Tomorrow"
- 12.30 tgh - Tayangan Klip Penutup Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2021



#myarkibnegara / www.arkib.gov.my / www.ica.org | © 2021 Arkib Negara

Untuk mendapatkan buku Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja, sila hubungi nombor telefon yang tertera pada poster sepanjang waktu PKP.



### PENJUALAN BUKU SEJARAH DAN WARISAN KLANG BANDAR DIRAJA

TARIKH:  
**BERMULA 12 MEI 2014**

**RM 100.00 /  
Senaskah**

Kaunter Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Klang  
Pejabat MPK Jalan Raya Barat, Pusat Perniagaan Raya Barat,  
Jalan Raya Barat, 4100 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-33757850/55/45 Fax : 03-33710690

## Daulat Tuanku

Merafak Sembah dan Setinggi-tinggi Ucapan Tahniah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
D.K.P, D.K.M, D.K, D.M.N, S.S.A.P, S.I.M.P, D.K (TERENGGANU), D.K, (JOHOR), S.P.M.J, P.A.T.

Sempena

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA

Pada

7 Jun 2021 bersamaan 26 Syawal 1442H



Sembah Takzim Daripada:



**YANG DIPERTUA,**  
TIMBALAN YANG DIPERTUA, AHLI-AHLI MAJLIS  
DAN SELURUH WARGA KERJA, MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my Majlis Perbandaran Klang MPKcare mpkcare



### KOLEKSI TEMPATAN (KLANG) TERBARU



Terima kasih Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) Daerah Klang kerana mempromosi Warta Warisan MPK

Buletin bulanan Warta Warisan MPK boleh didapati secara percuma di Pusat Sumber MPK dan versi e-book di laman sesawang rasmi Majlis Perbandaran Klang